KHOO AH MIN

lwn.

KETUA POLIS NEGARA & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, IPOH
PEH SWEE CHIN H
[PERMOHONAN JENAYAH NO. 44(54)-1-90]
9 JANUARI 1991

UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN: *Permohonan habeas corpus - Perintah tahanan ditandatangani oleh Menteri - Timbalan yang berasa puashati tentang pengeluaran perintah tahanan - Kesilapan yang teknikal - Tidak menjejaskan kesahan perintah tahanan - Timbalan Menteri boleh menjalankan semua kuasa-kuasa Menteri - Perlembagaan Malaysia, perkara 43A.*

Kes ini melibatkan suatu permohonan untuk perintah habeas corpus supaya pemohon dibebaskan dari tahanan yang dikenakan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985. Pemohon berkata bahawa perintah tahanan tersebut tidak sah di sisi undang-undang kerana telah ditandatangani oleh Menteri sedangkan Timbalannya yang menerima segala maklumat dan laporan dan Timbalannyalah yang berpuashati tentang pengeluaran perintah tahanan.

Diputuskan:
[1] Berdasarkan hujah pemohon, Mahkamah mendapati bahawa wujudnya kecuaian atau kesilapan mengenai perintah tahanan yang berkenaan.

[2] Walau bagaimanapun, pemohon tidak disesatkan atau dikelirukan oleh kesilapan itu kerana semua langkah yang diperlukan telahpun diambil dan kesilapan itu hanya bersifat teknik.

[3] Di bawah Perkara 43A, Perlembagaan Malaysia, seorang Timbalan Menteri memang boleh menjalankan segala kuasa-kuasa yang ada pada Menteri itu dan kesilapan yang berkenaan adalah suatu kesilapan yang tidak membawa apa-apa kesan yang menjejaskan kesahan perintah tahanan yang berkenaan.

[Permohonan habeas corpus ditolak.]

Kes-kes yang dirujuk:
Karpal Singh lwn. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [1988] 1 MLJ 468
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri lwn. Karpal Singh [1988] 3 MLJ 29
Karam Singh lwn. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [1969] 2 MLJ 129

Perundangan yang dirujuk:
Federal Constitution, art. 43A

Bagi pihak pemohon - Dato' Paramjit Singh dan Manjit Singh.
Bagi pihak responden - Suriyadi Halim Omar, Peguam Kanan Persekutuan.

PENGHAKIMAN

Peh Swee Chin H:

Oleh kerana satu persoalan atau alasan sahaja yang telah ditimbulkan oleh peguambela di hari perbicaraan, dan saya akan menjelaskannya, tidaklah lagi perlu saya menerangkan semua keterangan sepertimana yang dicatit dalam semua afidavit secara terperinci.

Adalah mencukupi untuk cuma menyatakan bahawa permohonan ini adalah bagi suatu perintah habeas corpus supaya pemohon dibebaskan dari tahanan yang dikenakan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dan di antara defendan-defendan, ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Telah tidak dipertikaikan bahawa semua langkah yang diwajibkan di bawah Akta tersebut telah pun diambil oleh berbagai pihak sebelum perintah tahanan yang berkenaan dikeluarkan. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (kemudian dari ini dipanggil Timbalan Menteri) telah membuat suatu afidavit di mana beliau telah menjelaskan prosedur yang telah diambil dan setelah beliau berpuashati dengan laporan-laporan dan maklumat yang beliau terima, beliau mengeluarkan perintah supaya pemohon ditahan selama 2 tahun dari 30 Disember 1988. Beliau menyatakan bahawa mengikut perkara 43A Perlembagaan Malaysia, beliau diwajibkan menolong Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (kemudian dari ini dipanggil Menteri) dan beliau berhak untuk menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepada Menteri sepertimana yang diperuntukkan di bawah Akta tersebut.

Perintah tahanan yang berkenaan telah ditandatangani oleh Menteri sungguhpun perkara sebenarnya telah dijalankan di bawah arahan Timbalannya, dan Timbalannya adalah orang yang puashati dan memutuskan bahawa perintah tahanan yang berkenaan hendaklah dikeluarkan.

Beberapa persoalan telah ditimbulkan bagi pihak pemohon terlebih dahulu sebelum hari perbicaraan, maka Mahkamah ini terkejut apabila Peguam bagi pihak pemohon memberitahu Mahkamah ini pada hari perbicaraan bahawa beliau hanya akan menghujah atas suatu perkara sahaja, dan beliau hanya bergantung kepada perkara itu sahaja, iaitu perintah tahanan yang berkenaan adalah tidak sah di sisi undang-undang kerana Menteri itu telah menandatanganinya sedangkan sebenarnya, Timbalannya yang menerima segala maklumat dan laporan sepertimana yang diperuntukkan di bawah Akta tersebut, dan Timbalannya yang merasa puashati tentang perlunya perintah tahanan yang berkenaan dikeluarkan; semua ini adalah jelas dari afidavit-afidavit yang berkenaan, khasnya dari afidavit Timbalan Menteri itu.

Peguam Kanan Persekutuan bagi pihak Menteri itu dan lain-lain defendan memberitahu Mahkamah bahawa beliau tidak setuju dengan hujah tersebut di atas sungguhpun beliau setuju bahawa perintah tahanan yang berkenaan telah ditandatangani oleh Menteri itu.

Mahkamah ini mendapati adanya kecuaian atau kesilapan mengenai perintah tahanan yang berkenaan; memandang hujah dari Peguam bagi pihak pemohon.

Dalam kes *Karpal Singh lwn. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri* [1988] 1 MLJ 468, Mahkamah Tinggi mendapati pihak Menteri itu turut cuai oleh kerana pihak bawahan beliau didapati cuai, kerana pihak bawahan tersebut telah memasukkan ke dalam pengataan-pengataan fakta (allegations of fact) sebagai salah satu dari enamnya yang diakui bagi pihak Menteri itu sebagai tidak benar. Mahkamah Tinggi dalam kes itu berpendapat bahawa kesan kecuaian itu serupa dengan niat jahat atau (malice) sungguhpun ia bukan niat jahat yang benar dalam erti biasa tetapi niat jahat dengan erti teknik atau teknikal dari segi undang-undang di bidang tahanan tanpa bicara, apabila terdapat kecuaian sahaja.

Mahkamah Agung, (*Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri lwn. Karpal Singh* [1988] 3 MLJ 29) setelah memberi penjelasan dan alasan-alasan, mendapati pendekatan (approach) Mahkamah Tinggi itu adalah suatu kesilapan. Perkara itu hendaklah didekati dengan suatu persoalan sahaja iaitu, apakah kesannya dengan kecacatan hanya salah satu sahaja dari enam pengataan-pengataan fakta itu. Mahkamah Agung dengan alasan-alasan sepertimana yang diterangkan dalam alasan penghakimannya, mendapati kecacatan tersebut tidak menjadi hal langsung.

Mahkamah Agung juga, antara lain, dalam alasan penghakimannya, mengulangi suatu petikan dari bekas Hakim Besar Tan Sri H.T. Ong dalam kes *Karam Singh v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri* [1969] 2 MLJ 129 dan di antara petikan, ia berbunyi:

> Having so found I would treat the irrelevant grounds as immaterial surplusage. The appellant was not, for a moment, misled nor was he ever prejudiced thereby in any way. For my part, I see no reason to put such a strict construction on wording that the surplusage - nothing more than a technical defect - should be held to invalidate the order.

Berbalik kepada kes kini di hadapan saya, berdasarkan pada kes *Karpal Singh* di Mahkamah Agung tersebut di atas, mahkamah ini pun bertanya pada diri begini:

> Apakah kesan kesilapan tentang perintah tahanan tersebut?

Apakah pemohon selama ini telah disesatkan atau dikelirukan oleh kesilapan itu? Jawapannya tidak, memandang kepada patuhan kesemua langkah yang diperlukan pun telah diambil, pertikaian mengenainya tidak wujud, ini adalah sebagai suatu inferens dari hujah yang datang dari Peguam bagi pihak pemohon; suatu inferens yang tidak dapat dielakkan. Kesimpulannya, misalnya, pemohon mengetahui sebab beliau ditangkap, ditahan dan sebagainya, jadi kesilapan itu hanya bersifat teknik, iaitu teknikal.

Di bawah perkara 43A, Perlembagaan Malaysia, seorang Timbalan Menteri memang boleh menjalankan segala kuasa-kuasa yang ada pada Menteri itu dan kesilapan yang berkenaan adalah suatu kesilapan yang tidak membawa apa-apa kesan yang menjejaskan kesahan perintah tahanan yang berkenaan.

Permohonan untuk perintah *habeas corpus* telah pun ditolak.

Also found at [1991] 1 CLJ 700